



Kualiti Penulisan Buku Hadis Kanak-Kanak di Malaysia: Satu Tinjauan

[Quality of Children's Hadith Book Writing in Malaysia: A Survey]

**Siti Mursyidah Mohd Zin^{1*}, Farhah Zaidar Mohamed Ramli¹ & Norhapizah Mohd
Burhan²**

¹ Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

² Universiti Teknologi Mara (UiTM), Jengka, Pahang

* Corresponding Author: Siti Mursyidah Mohd Zin, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. sitimursyidah@uis.edu.my +6017-5107774

Keywords:

*children's hadith books,
hadith writing, moral
education, hadith books*

ABSTRACT

*Early childhood education utilizing Islamic reading materials has become essential for shaping the noble character and identity of the current young generation. This study aims to examine the quality of children's hadith book writing in Malaysia, focusing on the accuracy of hadith sources, language suitability, and illustration quality. This study employs a qualitative approach via document analysis of two selected books: *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis dan Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik*. The analysis was conducted based on three main aspects: source accuracy, language style, and visual design. Statistical findings from the National Library of Malaysia (PNM) indicate that the publication of children's hadith books remains very low, with only 40 titles recorded over a nine-year period. Content analysis results reveal that both books successfully incorporate pedagogical approaches suitable for children's cognitive levels through the use of engaging illustrations, concise language, and interactive elements such as memorization schedules. However, the study identifies a need for improvement by prioritizing the selection of authentic (sahih) hadith and implementing a more systematic thematic arrangement. In conclusion, although existing children's hadith book exhibit good presentation quality, efforts to increase publications that adhere to the discipline of hadith sciences are necessary to support the holistic character development of children.*

Kata Kunci:

buku hadis kanak-kanak,
penulisan hadis, tarbiah
akhlak, buku hadis.

ABSTRAK

Pendidikan awal kanak-kanak melalui bahan bacaan berunsur Islam menjadi satu keperluan dalam usaha membentuk akhlak mulia dan jati diri generasi muda masa kini. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kualiti penulisan buku hadis genre kanak-kanak di Malaysia dengan memfokuskan kepada ketepatan sumber hadis, kesesuaian bahasa, dan kualiti ilustrasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis dokumen terhadap dua buah buku terpilih sebagai sampel kajian iaitu *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis dan Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik*. Analisis dilakukan berdasarkan tiga aspek utama iaitu ketepatan sumber, gaya bahasa,

dan reka bentuk visual. Dapatan statistik daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menunjukkan bahawa penerbitan buku genre hadis kanak-kanak masih sangat rendah, iaitu hanya 40 judul direkodkan dalam tempoh sembilan tahun. Hasil analisis kandungan mendapati kedua-dua buku ini berjaya menampilkan pendekatan pedagogi yang sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak melalui penggunaan ilustrasi menarik, bahasa yang ringkas, dan elemen interaktif seperti jadual hafazan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati wujud keperluan penambahbaikan dengan memfokuskan pemilihan hadis yang bersatu sah dan penyusunan tema yang lebih sistematik. Kesimpulannya, walaupun buku hadis kanak-kanak sedia ada mempunyai kualiti persembahan yang baik, usaha memperbanyakkan penerbitan yang mematuhi disiplin ilmu hadis menjadi keperluan bagi menyokong pembentukan sahsiah kanak-kanak secara holistik.

Received: August 15, 2025

Accepted: October 15, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. Pendahuluan

Pembentukan akhlak kanak-kanak adalah tugas utama dan tanggungjawab bagi ibu bapa. Malah ibu bapa juga dalah tunggak utama dalam pembentukan peribadi seseorang kanak-kanak di dalam pendidikan iman dan taqwa (Abdullah Nasih Ulwan 2008, Noor Farida 2016; Maulana Azizi Nasution 2021). Selain itu ibu bapa juga merupakan insan pertama yang akan memberikan tarbiah kepada kanak-kanak selain menjadi *role model* kepada mereka (Ahmad et al., 2021). Justeru penerapan tarbiah ini perlu meliputi dari segenap sudut pendidikan yang mencakupi keperluan tarbiah spiritual, intelektual, emosi, rohani dan jasmani agar kanak-kanak sejak kecil telah dilatih dengan nilai yang mulia dan menepati acuan ajaran Islam yang memiliki akhlak Islam dan jati diri dalam menempuh zaman masa kini yang serba moden. Sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا الْعَبَّاسُ بْنُ الْوَلِيدِ الدِّمَشْقِيُّ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عِيَّاشٍ، حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عُمَارَةَ، أَحْبَبَنِي الْحَارِثُ بْنُ التُّعْمَانِ، سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، يُحَدِّثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: أَكْرِمُوا أَوْلَادَكُمْ وَأَحْسِنُوا أَدَبَهُمْ

(Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah, Kitab al-Adab, Bab Bir al-Walidain wa al-Ihsan ila al-Banat* No 3671)

Maksudnya: *al-Abbas bin al-Walid al-Dimasqi menceritakan kepada kami daripada 'Ali bin 'Yais menceritakan kepada kami daripada Said bin Ammarah telah memberitahu kami al-Harith bin al-Nu'man aku mendengar Anas bin Malik berkata Rasulullah SAW bersabda: Hormatilah anak-anak kamu dan didiklah mereka dengan baik*

حَدَّثَنَا نَصْرُ بْنُ عَلِيٍّ الْجَهْضَمِيُّ، حَدَّثَنَا عَامِرُ بْنُ أَبِي عَامِرٍ الْخَزَّازِ، حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ مُوسَى، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا نَحَلَ وَالِدٌ وَلَدًا مِنْ نَحْلٍ أَفْضَلَ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ

(al-Tirmidhi, *Jami' al-Tirmidhi, Kitab al-Bir wa al-Sillah an Rasulullah SAW, Bab Ma Jaa fi Bir al-Walidain, No Hadis 1952*)

Maksudnya: *Telah menceritakan Nasr bin 'Ali al-Jahdami, telah menceritakan kepada kami daripada Abu 'Amir al-Kharaz diceritakan daripada Ayub bin Musa daripada ayahnya daripada datuknya sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tiada pemberian dari seorang ayah yang lebih baik kepada anaknya selain daripada adab yang mulia"*



Hakikatnya tarbiah kanak-kanak bermula secara formal di sekolah mahupun tadika. Ia menjadi medan utama dalam pentarbiahan akhlak dan intelektual seorang kanak-kanak, namun tidak dapat dinafikan bahawa melalui pendekatan secara tidak formal seperti bahan bacaan yang bermutu turut boleh dimanfaatkan (Nasir & Mat Teh, 2023; Nik Muhammad Affendi & Awang Pawi, 2017).

Oleh yang demikian dapat difahami penulisan yang berkualiti untuk kanak-kanak sangat penting dalam membentuk peribadi dan akhlak mulia sejak usia awal. Bahan bacaan berunsur Islam dilihat lebih utama kerana ia mengandungi nilai-nilai akhlak yang baik serta contoh teladan yang boleh dicontohi oleh kanak-kanak dalam kehidupan seharian (Nasir & Mat Teh, 2023; Nik Muhammad Affendi & Awang Pawi, 2017). Menurut Almuddin et al. (2016), banyak penulisan dalam bidang pendidikan Islam yang menekankan aspek penting untuk kanak-kanak seperti kelebihan ilmu, adab dalam belajar, serta tanggungjawab menyampaikan ilmu. Ini menunjukkan bahawa dalam Islam, usia kanak-kanak dianggap sebagai waktu paling sesuai didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan pembentukan akhlak namun mengikut tahap usia yang sesuai.

Sehubungan dengan itu Sinaga et al. (2022) menjelaskan kisah-kisah bersumberkan al-Quran dan Hadis seperti kisah para nabi, para sahabat Rasulullah SAW, para ulama, umat terdahulu, peperangan, tanda-tanda kiamat, Isra dan Mi'raj, hijrah baginda SAW dan lain-lain lagi akan memupuk sifar berani diri kanak-kanak, malah cerita bersumberkan al-Quran dan hadis akan turut membantu dalam perkembangan aspek sosial seorang kanak-kanak

Kenyataan yang sama turut diketengahkan oleh Laily Fitriani, (2018) yang menjelaskan terdapat banyak cerita-cerita yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis dalam pembentukan peribadi kanak-kanak dengan nilai-nilai Islam. al-Quran, sebagai sumber utama, merangkumi pelbagai cerita yang mendalam dan bermakna, seperti kisah perbualan di antara Nabi Musa a.s. dengan Firaun, pengalaman pembinaan bahtera Nabi Nuh a.s., hubungan diplomatik Nabi Sulaiman a.s. dengan Ratu Balqis, kisah Nabi Yunus a.s. dalam perut ikan paus, kemantapan iman Ashabul Kahfi dan lain-lain lagi. Selain itu, melalui Hadis Nabawi juga terdapat kisah yang turut yang membawa pengajaran akhlak, seperti kisah tiga individu dari Bani Israil yang diuji dengan penyakit. Kesemua kisah dari al-Quran dan hadis memberi sumbangan besar dalam penerapan tarbiah dan nilai Islam bagi pembangunan peribadi, jati diri serta akhlak kanak-kanak Islam. Hakikatnya al-Quran telah menjelaskan pelbagai panduan asas bagi pembentukan jati diri manusia dewasa mahupun kanak-kanak, manakala hadis Rasulullah SAW memberi perincian terhadap pelaksanaannya. Oleh yang demikian, kepentingan meneroka hadis Nabi SAW sangat relevan dalam pembentukan dan pembangunan akhlak kanak-kanak menurut perspektif Islam sejajar dengan kedudukan hadis sebagai sumber kedua dalam Islam selepas al-Quran (Abd Majid et al., 2023).

Menurut al-Nadwi (2001), kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahan bacaan yang menarik dan mempunyai matlamat yang jelas, kerana ia merupakan cara yang terbaik untuk mendidik serta membentuk kefahaman tentang iman dan agama. Oleh itu, penulisan untuk kanak-kanak mestilah berpaksikan kepada nilai keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT, kisah-kisah yang benar seperti kisah para nabi dan rasul yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen sebagai pendekatan utama bagi menilai kualiti penulisan hadis dalam bahan bacaan kanak-kanak. Dua buah buku daripada genre hadis kanak-kanak yang terdapat di pasaran telah dipilih sebagai sampel kajian, iaitu *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis dan Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik*. Pemilihan kedua-dua buku ini adalah berdasarkan ketercapaian sasaran pembaca, kandungan hadis yang bersifat pendidikan, serta kepelbagaian pendekatan penyampaian nilai Islam.

Analisis dijalankan dengan meneliti tiga aspek utama, iaitu: (i) ketepatan dan sumber hadis, bagi memastikan kesahihan dan autoriti rujukan yang digunakan; (ii) kesesuaian bahasa dan gaya penulisan, dengan menilai sejauh mana penggunaan bahasa yang sesuai dengan tahap kefahaman dan perkembangan kognitif kanak-kanak; dan (iii) kualiti ilustrasi dan reka bentuk dengan meneliti keberkesanan visual dan elemen grafik dalam menarik minat serta membantu pemahaman isi kandungan. Melalui pendekatan ini, kajian ini berusaha

memberikan gambaran menyeluruh terhadap kualiti penulisan hadis kanak-kanak dari sudut kandungan, linguistik, dan reka bentuk yang sesuai untuk kanak-kanak.

3. Analisis Statistik Penerbitan Buku Hadis Kanak-Kanak

Kajian ini memfokuskan kepada bahan penulisan bersumberkan hadis untuk kanak-kanak di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sahaja kerana PNM merupakan badan kerajaan yang mempunyai autoriti bagi semua penerbitan di Malaysia mengikut Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

“Semua jenis terbitan samada bercetak atau tidak bercetak yang diterbitkan di Malaysia dan diedarkan secara jualan atau percuma, termasuk bahan-bahan terbitan seperti buku, majalah, laporan tahunan, suratkhbar, kertas persidangan, peta, Poster/Carta, VCD, CD, e-buku dan sebagainya perlu menyerahkan sebanyak Lima (5) naskhah bagi setiap judul terbitan bercetak dan dua (2) unit bagi setiap judul terbitan tidak bercetak”

(<https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/256>)

Apabila disoroti kembali, berdasarkan statistik perolehan koleksi PNM bagi genre kanak-kanak dari tahun 2013 hingga 2022 melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, dapatan jelas menunjukkan bahawa kekurangan buku genre kanak-kanak dalam penulisan hadis adalah sangat ketara, hanya terdapat 40 buah buku berkaitan hadis untuk kanak-kanak berbanding jumlah serahan judul buku kanak-kanak untuk sembilan tahun.

Kenyataan ini selari dengan Jadual 1 yang memperincikan perbezaan jumlah tersebut mengikut tahun hasil dapatan penulisan hadis kanak-kanak yang di serah ke PNM melalui beberapa kata carian di *Online Public Access Catalogue (OPAC)* PNM iaitu “hadis kanak-kanak” (5 buah buku), “cerita hadis” (5 buah buku) “komik hadis” (2 buah buku), “pesan nabi” (9 buah buku), “cerita sahih bukhari” (12 buah buku), “hadis pendek” (1 buah buku), “genius hadis” (1 buah buku), “komik nabi” (5 buku).

Jadual 1: Statistik Bahan Bacaan Kanak-Kanak Dari Tahun 2013 Hingga 2022 Melalui Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986

Tahun	Jumlah serahan buku kanak-kanak ke PNM	Jumlah buku hadis kanak-kanak
2013	4,682	2
2014	4,421	3
2015	2,806	5
2016	4,149	4
2017	3,229	2
2018	3,510	3
2019	3,797	13
2020	3,012	1
2021	2,780	2
2022	5,638	5
Jumlah		40

Sumber: PNM

Dapatan daripada statistik ini menunjukkan peningkatan dan penurunan bilangan penyerahan buku kanak-kanak ke PNM. Walau bagaimanapun dapatan jumlah serahan buku genre hadis kanak-kanak ke PNM melalui statistik ini secara tidak langsung menggambarkan betapa kurangnya penerbitan dan penyerahan buku kanak-kanak dalam penulisan hadis.



Oleh yang demikian dalam usaha mempertingkatkan kualiti dan kuantiti buku kanak-kanak, kerajaan Malaysia telah menganjurkan pertandingan dan pemberian pelbagai anugerah dan hadiah sebagai salah satu lagi strategi untuk menggalakkan penerbitan dan penulisan melalui pengiktirafan terhadap sesebuah karya. Melalui pendekatan ini ia dilihat mampu untuk meningkatkan mutu dan kualiti sesebuah penerbitan dan penulisan. Di antara anugerah yang memberi pengiktirafan kepada penulis dan penerbit di Malaysia ialah Anugerah Buku Negara (dahulu dikenali dengan Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia), Anugerah Buku Malaysia dan Anugerah Buku Perpustakaan Negara. Kesemua anugerah ini mempertandingkan anugerah genre buku terbaik kanak-kanak (Ahmad Ishak, 2004).

Sejajar dengan itu, dalam membincangkan kepentingan hadis kanak-kanak di Malaysia, Pembangunan Pelan Strategik KPM bagi tempoh 2024-2030 telah melancarkan Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di institusi pendidikan rendah dan menengah sebagai salah satu strategi dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara. Perlaksanaan terhadap Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi ini merupakan salah satu cara yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia untuk menerapkan nilai-nilai murni melalui Hadis Nabawi dalam masyarakat bagi melahirkan insan yang seimbang dari sudut intelek, emosi, rohani dan jasmani. Perlaksanaan Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi turut diperluaskan kepada semua institusi pendidikan dibawah Kementerian Pendidikan (KPM), termasuk sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kolej Vokasional (KV) dan Kolej Matrikulasi. Ini kerana Kitab Hadith 40 Imam al-Nawawi merupakan sebuah karya agung yang mengandungi 42 hadith penting kepada umat Islam yang merangkumi pelbagai aspek ajaran dan amalan Islam seperti akidah, ibadah, akhlak dan pergaulan sosial (K. Nasir et al., 2024).

Fenomena ini telah memperlihatkan pendekatan tarbiah kanak-kanak melalui pengajian hadis kian mendapat tempat di dalam masyarakat, malah ibu bapa muslim kini lebih cakna terhadap keperluan kepada pendedahan penulisan bahan bacaan yang bersumberkan Hadis Nabawi kepada kanak-kanak.

Menurut Nor Azhar Ishak (2024) yang merupakan pengilustrasi buku kanak-kanak menjelaskan terdapat sembilan elemen penting dalam mencipta buku genre kanak-kanak yang menarik dan hebat. Sembilan elemen tersebut ialah ilustrasi, watak, cerita yang menyentuh hati, unsur kecintaan, mengandungi nilai pembelajaran dan bersifat informatif, mempunyai pola, rima dan pengulangan, plot, perbendaharaan kata dan kebolehbacaan.

Selain itu menurut Abu Hasan Ali al-Husni An-Nadwi yang merupakan tokoh terkenal di dalam penulisan buku Islamik kanak-kanak menjelaskan teori pendidikan kanak-kanak dan hubungannya dengan penulisan buku Islamik, pandangan an-Nadwi yang sangat jelas bahawa kanak-kanak perlu diberi bacaan yang menarik dan mempunyai matlamat yang jelas kerana ia merupakan cara terbaik untuk mendidik dan mentarbiah tentang iman dan agama. an-Nadwi turut memandang serius terhadap bahan bacaan untuk kanak-kanak, oleh yang demikian beliau telah menghasilkan beberapa karya khusus untuk kanak-kanak di dalam bahasa Arab. Di antara karya yang dihasilkan oleh an-Nadwi khusus untuk golongan kanak-kanak ialah *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), *Sirah Khatim al-Nabiyyin* (Sejarah Hidup Penutup Sekalian Nabi) dan *Qasas min al-Tarikh al-Islami li al-Atfal* (Kisah daripada Sejarah Islam untuk Kanak-Kanak), *Min al-Nujum ila al-Ard li al-Atfal* (Dari Bintang ke Bumi untuk Kanak-Kanak) dan *Qasas al-Salihin li al-Atfal* (Kisah Orang-Orang Soleh untuk Kanak-Kanak), (Abul Hasan Ali Nadwi Center, 2025).

Dapatan kajian Nasir & Mat Teh, (2020) menyatakan bahawa an-Nadwi menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami sebagai asas pengkaryaan *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* malah terdapat tiga elemen utama yang mendasari dalam pembangunan penulisan kanak-kanak Islam iaitu i) pemerksaan tema al-Sirah al-Nabawiyah, ii) bertemakan genre "*al-Qissah*" dan iii) penekanan terhadap aspek nilai murni dalam karya kanak-kanak. Selain itu an-Nadwi turut menjelaskan tiga kaedah penulisan buku kanak-kanak Islamik iaitu i) pengulangan perkataan, ii) penggunaan perkataan yang mudah dan iii) kisah yang ringkas (al-Nadwi, 1991; al-Nadwi, 2001).

4. Analisis Kualiti Penulisan Buku Hadis Kanak-Kanak

Buku cerita *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis* telah diterbitkan oleh Rimbunan Publishing House Sdn Bhd dan disemak oleh panel syariah yang dilantik iaitu Puan Amly Asenar dan Encik Muhammad Faris

Shamsul Bahri. Buku ini terdiri daripada satu jilid dan telah diterbitkan pada tahun 2021. Keseluruhan halaman bagi buku ini ialah 134 muka surat.

Rajah 1: Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis



Jadual 2: Tajuk hadis di dalam buku Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis

Bil	Tema Hadis	Sumber Hadis	Bilangan Hadis
	Bahagian A: Hablum Min Allah		
1	Islam	<i>Sahih Muslim, Jami' al-Tirmidhi, Musnad Ahmad, Sunan Abu Daud</i>	7
2	Iman	<i>Sahih Muslim dan Sunan al-Nasaie</i>	3
3	Solat	<i>Sahih Muslim dan Jami' al-Tirmidhi</i>	3
4	Doa	<i>Sahih al-Bukhari, Jami' al-Tirmidhi dan Sunan Abu Daud</i>	4
5	Amalan	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan Jami' al-Tirmidhi</i>	5
6	Ilmu	<i>Sahih al-Bukhari, Jami' al-Tirmidhi dan Sunan Ibn Majah</i>	4
7	Adab	<i>Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim</i>	5
	Bahagian B: Hablum Min Annas		
8	Hati	<i>Sahih al-Bukhari dan Musnad Ahmad</i>	3
9	Akhlak	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Jami' al-Tirmidhi, al-Tabrani, Sunan an-Nasaie dan Sunan Ibn Hibban</i>	10

10	Persaudaraan	<i>Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Jami' al-Tirmidhi, dan Musnad Ahmad</i>	10
	Jumlah Hadis		54

Jadual 2 menunjukkan tajuk hadis yang terdapat di dalam buku *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis*. Buku ini dimulai dengan panduan pembaca yang mensasarkan pembaca kanak-kanak dalam lingkungan umur tujuh hingga dua belas tahun. Seterusnya buku ini turut memberikan definisi hadis serta perbezaan hadis dengan al-Quran, kepentingan menghafal hadis serta cadangan masa yang paling terbaik untuk menghafal hadis. Buku ini dihasilkan bagi membantu kanak-kanak mengetahui lafaz serta maksud hadis dan pengajaran yang diperolehi daripada hadis yang dibaca atau dihafal.

Permulaan buku ini secara jelas mengajar kanak-kanak mengenai adab, hikmah serta kelebihan orang yang menghafal hadis. Setiap huraian dijelaskan dengan ayat yang ringkas dan padat, serta gambar yang menarik. Di akhir setiap topik buku ini disertakan aktiviti uji minda seperti pagar sesat, cari kata, silang kata dan lain-lain lagi. Selain itu kandungan buku ini turut menonjolkan empat item penting iaitu (i) keratan matan hadis beserta terjemahan di dalam bahasa Melayu dan Inggeris, (ii) pesan ustaz, (iii) mari menulis dan (iv) jadual semakan hafazan. Berikut merupakan perincian bagi item-item berikut:

- **Matan dan Terjemahan Hadis**
 Setiap tajuk hadis yang dinyatakan dengan jelas, penulis meletakkan matan hadis berbahasa Arab yang menepati tajuk, berserta baris dan terjemahan. Penulis juga turut menjelaskan sumber bagi hadis tersebut.
- **Pesan Ustaz**
 Pesan ustaz merupakan pengajaran yang dapat dipelajari oleh kanak-kanak apabila menghafal hadis tersebut. Ia diletakkan dalam ayat yang mudah difahami kanak-kanak secara bernombor agar kanak-kanak lebih mudah melihat jumlah pengajaran yang akan dipelajari.
- **Mari Menulis**
 Penerbit turut meletakkan keratan matan hadis di dalam bahasa Arab menggunakan kaedah titik ke titik bagi membantu kanak-kanak belajar menulis matan hadis di dalam bahasa Arab.
- **Jadual Semakan Hafazan**
 Senarai semak hafazan turut dimuatkan di dalam buku ini bagi penilaian pembelajaran hadis yang telah di lakukan. Ia melibatkan empat perkara iaitu i) membaca mengikut kalimah dengan baris yang betul ii) membaca berulang kali sehingga lancar iii) memahami maksud hadis dan iv) memperdengarkan bacaan kepada ibu bapa atau guru. Selain itu turut diletakkan tiga tahap penialaian hafazan kanak-kanak iaitu: belum menguasai, sederhana dan baik.

a. Ketepatan dan sumber hadis

Setiap tajuk hadis yang dinyatakan dengan jelas, penulis meletakkan *matan* hadis berbahasa Arab yang menepati tajuk, berserta baris serta terjemahan di dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Penulis juga turut menjelaskan sumber hadis, namun penulis tidak menjelaskan status hadis-hadis tersebut.

Hasil penelitian pengkaji terhadap kesemua hadis yang diletakkan di dalam buku ini mempunyai pelbagai status hadis seperti hadis *Sahih, Hasan, Hasan Sahih, Hasan Gharib* dan *Gharib*.

b. Kesesuaian bahasa dan gaya penulisan untuk kanak-kanak

Buku hadis kanak-kanak ini menggunakan tulisan Arab yang besar dan berbaris untuk memudahkan kanak-kanak membaca dan menghafal hadis dengan jelas. Terjemahan di dalam bahasa Melayu dan Inggeris membantu mereka memahami maksud hadis dengan lebih mendalam, manakala pengajaran yang ringkas memudahkan kanak-kanak mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan (Azzahra et al., 2024; Chasanah,


2018). Jadual semak hafalan pula membantu ibu bapa dan guru memantau kemajuan kanak-kanak dalam menghafal hadis (Adelin et al., 2024).

c. Kualiti ilustrasi dan reka bentuk

Persembahan buku ini sangat menarik kerana menggunakan gambar berilustrasi yang menarik serta setiap topik dimuatkan dengan warna yang berbeza. Kelebihan gambar berwarna dapat meningkatkan daya ingatan dan tumpuan selain dapat meningkatkan motivasi serta pemahaman yang lebih cepat. Ia juga sesuai untuk menarik minat dan perhatian kanak-kanak terhadap bahan bacaan. Tidak dapat dinafikan bahawa ilustrasi di dalam pembacaan buku kanak-kanak sangat membantu kanak-kanak memahami isi cerita dengan lebih jelas dan merangsang imaginasi kanak-kanak (Gilang et al., 2017). Selain itu buku ini turut memuatkan aktiviti sambung titik ke titik untuk *matan* (teks) hadis di dalam bahasa Arab yang mana ia dapat meningkatkan kemahiran sensori kanak-kanak dalam penulisan bahasa Arab serta membantu dalam penguasaan bahasa. Malah ia menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan meningkatkan minat serta tumpuan kanak-kanak terhadap hadis.

Buku kedua yang dianalisis oleh pengkaji bertajuk *Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik* dikarang oleh Nur Shazareen Kamarozaman. Buku ini menerangkan lima belas keratan hadis pendek menggunakan bahasa yang mudah serta ilustrasi bergambar yang dilakar oleh Kaheer. Buku ini terdiri daripada satu jilid dan telah diterbitkan pada tahun 2010 bagi cetakan pertama, dan cetakan keempat pada tahun 2024. Keseluruhan halaman pada buku ini ialah 33 muka surat.

Rajah 2: *Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik*.



Jadual 3: Senarai 15 Judul Hadis yang terdapat di dalam buku *Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan*

Bil	Judul Hadis	Sumber Hadis
1	Jangan Marah	<i>Sahih al-Jami'</i>
2	Saling Memberi Hadiah	<i>Sahih al-Bukhari</i>
3	Senyum itu Sedekah	<i>Jami' al-Tirmidhi</i>
4	Berkata yang Baik	<i>Sahih al-Bukhari & Sahih Muslim</i>
5	Berbuat Baik	<i>Sahih al-Bukhari</i>
6	Allah Itu Cantik	<i>Sahih Muslim</i>
7	Sunnah Ketika Makan	<i>Sahih al-Bukhari</i>



8	Duduk Ketika Minum	<i>Sahih Muslim</i>
9	Berkasih Sayang	<i>Sahih al-Bukhari & Sahih Muslim</i>
10	Permudahkanlah!	<i>Sahih al-Bukhari</i>
11	Belajar al-Quran	<i>Sahih al-Bukhari</i>
12	Hindari Mudarat	<i>Musnad Ahmad</i>
13	Sedekah Walau Sedikit	<i>Sahih al-Bukhari & Sahih Muslim</i>
14	Sebarkan Salam	<i>Sahih Muslim</i>
15	Jagalah Allah	<i>Jami' al-Tirmidhi</i>

Jadual 3 menunjukkan judul-judul hadis yang diletakkan di dalam buku *Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik*. Judul-judul hadis ini di ambil daripada pelbagai kitab hadis seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Jami' al-Tirmidhi* dan *Musnad Ahmad*.

Buku ini dimulakan dengan mukadimah yang menerangkan rasional penghasilannya sebagai usaha awal dalam membentuk bakal pemimpin masa hadapan yang berakhlak mulia sejak usia kanak-kanak. Penulisan ini bertujuan menyediakan sumber pendidikan hadis yang sesuai untuk kanak-kanak, sekali gus menjadi panduan kepada ibu bapa dalam menerapkan nilai dan akhlak Islam berdasarkan hadis Rasulullah SAW. Secara keseluruhan, buku ini menekankan kepentingan pendidikan berasaskan hadis sebagai asas pembentukan peribadi unggul menurut acuan Islam.

Isi kandungan buku ini secara jelas mengajak kanak-kanak untuk mencintai Rasulullah SAW melalui hadis-hadis baginda dengan mengikut sunnahnya. Di antara sunnah yang dianjurkan di dalam buku ini ialah galakkan berselawat kepada baginda SAW. Selain itu kandungan buku ini turut menonjolkan tiga item penting iaitu keratan *matan* hadis berserta terjemahan, zon mudah hafal dan pengajaran hadis. Berikut merupakan perincian bagi item-item berikut:

- **Matan dan Terjemahan Hadis**
Setiap tajuk hadis yang dinyatakan dengan jelas, penulis meletakkan *matan* hadis berbahasa Arab yang menepati tajuk, berserta baris dan terjemahan. Penulis juga turut menjelaskan sumber bagi hadis tersebut.
- **Zon Mudah Hafal**
Penulis memilih dua atau tiga atau empat kalimah daripada kertian hadis yang berbahasa Arab yang dianggap sukar oleh kanak-kanak, penulis meletakkan baris serta terjemahan bagi perkataan tersebut untuk membantu kanak-kanak memahami teks hadis dan memudahkan kanak-kanak untuk menghafal hadis tersebut.
- **Pengajaran Hadis**
Penulis menyampaikan pengajaran hadis dalam bentuk fakta ringkas dan disusun secara *point* bagi memudahkan kanak-kanak membaca dan memahaminya. Pendekatan ini membantu kanak-kanak mengenal isi penting dengan cepat dan jelas. Ini juga memudahkan kanak-kanak memahami maksud dan nilai yang ingin disampaikan oleh hadis tersebut. Penyampaian yang mudah dan teratur ini sesuai dengan tahap pemikiran kanak-kanak yang memerlukan penjelasan yang ringkas dan padat.

Selain itu di dalam buku ini terdapat beberapa aspek yang ingin dinilai oleh pengkaji iaitu:

a. Ketepatan dan sumber hadis

Di dalam buku ini kesemua hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim berstatus *sahih*, namun begitu penulis mengambil daripada pelbagai tema yang berlainan dan sumber hadis yang pelbagai.

Walau bagaimanapun, bagi hadis pertama yang bertajuk Jangan Marah, pengkaji mendapati hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani di dalam *Mu'jam al-Ausat dan Majma' al-Zawaid wa Manbai' al-Fawaid*



oleh *Abi Darda* dan ia telah disahihkan oleh Imam al-Bani di dalam kitabnya *Sahih al-Jami'*, namun menurut *Ibn 'Adi* dalam *al-Kamil fi al-Du'afa'* hadis ini berstatus *Da'if*.

Manakalan bagi tajuk hadis yang ke 12 iaitu *Hindari Mudarat*, pengkaji mendapati hadis yang sama turut diriwayatkan di dalam *Sunan Ibn Majah*, *Musnad Ahmad*, *Muwata' Malik*, *Mustadrik 'ala al-Sahihain*, dan *Dar al-Qutni*. Menurut Imam *al-Dar Qutni* hadis ini bersatus hasan dan mempunyai pelbagai jalan periwayatan manakala, di sini Imam Ibn Majah melalui jalur sanad '*Ubadah bin Samid* hadis ini bersatus *sahih* oleh Imam al-Bani.

b. Kesesuaian bahasa dan gaya penulisan untuk kanak-kanak

Buku ini menyampaikan aspek pengajaran dengan jelas dan menggunakan gaya penulisan yang ringkas tetapi menarik. Walaupun penulis hanya menyertakan potongan matan hadis dalam bahasa Arab, ia tetap mudah dibaca kerana penggunaan *font* yang besar, jelas dan lengkap berbaris. Ciri-ciri ini sangat membantu kanak-kanak dalam mengenal dan membaca teks di dalam bahasa Arab. Selain itu, buku ini juga menyediakan senarai semak di akhir muka surat untuk ditanda setelah kanak-kanak berjaya menghafal hadis, kaedah ini memberi motivasi dan semangat kepada kanak-kanak untuk mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian.

c. Kualiti ilustrasi dan reka bentuk

Cara persembahan buku ini sangat menarik dan sesuai untuk kanak-kanak. Penulis menggunakan ilustrasi bergambar yang berwarna-warni dan komik ringkas bagi membantu menjelaskan maksud dan pengajaran hadis dengan cara yang lebih menyeronokkan dan mudah difahami. Gaya ini bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak, tetapi juga membantu mereka memahami isi kandungan dengan lebih berkesan melalui pendekatan visual dan penceritaan yang ringkas (Gilang et al., 2017; Mohamed Isa, 2009).

5. Cabaran dan Isu dalam Penulisan Buku Hadis Kanak-Kanak

Cabaran terbesar dalam penulisan hadis untuk kanak-kanak ialah pemilihan hadis yang tepat serta menggunakan kaedah hadis secara tematik atau *al-Maudui'* untuk menghasilkan sebuah buku. Pengkhususan tema dianggap sangat penting kerana ia merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan oleh ulama hadis dalam penulisan dan pembukuan hadis. Kaedah hadis tematik atau *al-Maudui'* ini perlu dikuasai oleh penulis sebelum menghasilkan penulisan hadis kanak-kanak. Selain itu penulisan berasaskan tema akan membantu pembangunan kognitif kanak-kanak untuk memahami sesebuah ilmu.

Menurut Abu Hassan et al., (2023) hasil semakan terhadap lapan buah buku hadis untuk kanak-kanak dipasaran mendapati tiada semakan dilakukan oleh pakar bidang dalam penulisan hadis kanak-kanak yang mana ia tidak mengikut disiplin ilmu penulisan hadis. Malah terdapat juga beberapa buku yang dianggap kurang sesuai dari sudut kandunganya dan kaedah penulisannya dengan kanak-kanak.

Dapatan kajian Mohd Zin & Mohamed Ramli, (2025) mencadangkan perlunya beberapa penambahbaikan terhadap buku 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis terbitan Darul Mughni Trading walaupun telah memenangi Anugerah Buku Kategori Judul Terlaris iaitu dengan memfokuskan kepada kisah 25 rasul sahaja, menggunakan penulisan bahasa yang mengikut panduan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di dalam penulisan buku, tidak menggunakan ayat yang terlalu kompleks sehingga sukar untuk difahami oleh kanak-kanak. Hal ini demikian kerana asas dan konsep kepada penulisan buku kanak-kanak adalah menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami (al-Nadwi, 2001; Muhammad Saad et al., 2021).

Tidak dapat dinafikan bahawa persaingan antara penulisan bahan bacaan Islamik dengan bahan bacaan komersial serta pengaruh penggunaan peranti digital yang semakin meluas menjadi cabaran besar dalam pembangunan penulisan hadis untuk kanak-kanak. Sehubungan itu, pemilihan karya penulisan yang bermutu, berkualiti dan bermanfaat menjadi keperluan penting bagi ibu bapa dalam usaha menyokong perkembangan



menyeluruh seorang kanak-kanak muslim. Bahan bacaan yang baik bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan bahasa, emosi, sosial, estetik dan peribadi yang seimbang (Nasir & Mat Teh, 2020; Arumugam & Md Ali, 2019), malah turut memperkukuh aspek kognitif dan sosial kanak-kanak sebagaimana dibuktikan oleh kajian terkini (Mat Ali et al., 2024; Shukrey Ahmad & Kamarudin, 2018).

6. Cadangan Penambahbaikan

Secara keseluruhannya, cadangan kepada penambahbaikan bagi buku *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis dan Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik* dicadangkan agar lebih menumpukan kepada pemilihan hadis-hadis yang bersatuts sahih sahaja daripada sumber utama seperti *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* bagi memastikan ketulenan dan kesahihan kandungan. Selain itu, penyusunan hadis mengikut tema-tema tarbiah Islam seperti tarbiah iman, tarbiah akhlak, tarbiah jasamani, tarbiah rohani, serta tarbiah sosial dapat memperkukuh struktur penulisan serta membolehkan penghasilan buku secara bersiri yang lebih tersusun dan berfokus. Pendekatan ini akan membantu kanak-kanak lebih memahami nilai dan pengajaran hadis secara berperingkat serta menyeluruh. Penulis juga disarankan untuk memperkukuhkan elemen interaktif dan reflektif seperti aktiviti gamifikasi dan soalan pemahaman, serta ilustrasi kontekstual agar kanak-kanak dapat menghayati serta mengamalkan ajaran hadis yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Usaha ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran hadis, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan jiwa, iman, dan akhlak kanak-kanak Muslim secara holistik.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kedua-dua buku *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis dan Wahai Anak Rasulullah SAW Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik* memperlihatkan kekuatan yang hampir seimbang dalam mengaplikasikan elemen-elemen penulisan hadis bagi pembangunan tarbiah kanak-kanak. Kedua-duanya menampilkan pendekatan pedagogi yang sesuai dengan tahap kognitif dan emosi kanak-kanak melalui pemilihan hadis-hadis pendek, mudah dihafal serta sarat dengan nilai akhlak Islamiah. Buku *Siri Anak Genius Soleh dan Solehah: Hadis* menonjolkan empat elemen utama penulisan hadis untuk kanak-kanak iaitu matan dan terjemahan hadis, pesan ustaz, mari menulis dan jadual semakan hafazan. Manakala bagi buku *Wahai Anak Rasulullah Saw Berpesan: 15 Hadis Pendek Buat Si Cilik* buku ini menonjolkan tiga elemen utama dalam penulisan hadis kanak-kanak iaitu matan dan terjemahan hadis, zon mudah hafal dan pengajaan hadis. Elemen-elemen yang ditonjolkan ini sangat membantu kanak-kanak untuk memahami dan menghayati makna hadis dengan lebih mendalam malah kaedah zon mudah hafal dan jadual semakan hafazan sangat membantu dan menggalakkan kanak-kanak menghafal sekaligus mengamalkan sunnah Nabawi semenjak kecil. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa kedua-dua buku ini melengkapkan antara satu sama lain dalam aspek penyampaian dan pendekatan pedagogi. Gabungan elemen interaktif, visual dan akhlak menjadikan kedua-duanya sumber yang berpotensi tinggi untuk diaplikasikan dalam pendidikan hadis kanak-kanak berasaskan pendekatan tarbiah akhlak, sejajar dengan usaha melahirkan generasi muda yang berilmu, beradab dan berakhlak mulia.

Rujukan

- Abdullah Nashih Ulwan. (2008). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam Jilid Satu* (Edisi ke 15). Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abu Hassan, M. I., Abdul Rahman, S. H., & Mohamed, S. H. (2023). Analisa Terhadap Buku Modul Hadis Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Pasaran. *Journal of Hadith Studies*, 8(2 (SI)), 1–16.
- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq al-Sijistani. 1999. *Sunan Abu Daud*. Riyad: Dar Salam li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Usman, A. H., Haridi, N. H., Mohamad, N., Ismail, Z., & Abdul rahman, A. H. (2023). Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis. *Journal Hadis*, 13(26), 38–50.
- Adelin, N., Lubis, R., & Irham, I. (2024). Implementasi Pembelajaran Hadits Melalui Metode Gerakan Untuk Meningkatkan Hafalan Dan Kualitas Sdm Di Desa Wibamulya. *An-Nizam*, 3(2), 225–235. <https://doi.org/10.33558/an-nizam.v3i2.9101>



- Ahmad Ishak, M. S. (2004). Pembangunan Buku Kanak-Kanak dan Remaja: Analisis Umum Peraduan dan Anugerah Sastera di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 97–107.
- Ahmad, M. S., Kamarudin, K., Abdul Rani, Mohd. Z., Hajimaming@Toklubok, P., & Roslan, S. (2021). Families as A Guideline for Children According to Tarbiyahatul Aulad Fil Islam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(19). <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i19/11719>
- al-Nadwi, A. H. A. al-H. (1991). *Qasas min al-Tarikh al-Islam li al-Atfal* (al-Tibaah al-Awwal). Muasasah al-Sahabah wa al-Nasyr.
- al-Nadwi, A. H. A. al-H. (2001). *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (al-Tibaah al-Awal). Muasasah al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad bin Isa bin Saurah. 1999. *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Dar Salam li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Arumugam, K., & Md Ali, R. (2019). Buku kanak-kanak: Analisis unsur Estetika. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 151–165. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.11.2019>
- Azzahra, A. F., Hakim, L., & Wendry, N. (2024). Studi Living Hadis: Pembentukan Karakter Muslim Anak Usia Dini di Yayasan Ummah. *El Nubuwwah: Jurnal Studi Hadis*, 2(2), 129–154. <https://doi.org/10.19105/elnuwuwwah.v2i2.14753>
- Chasanah, U. (2018). Urgensi Pendidikan Hadis dalam Pembentukan Karakter Anak Usia Dini. *Jurnal Living Hadis*, 2(1), 83. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2017.1357>
- Gilang, L., Sihombing, R. M., & Sari, N. (2017). Kesesuaian Konteks dan Ilustrasi Pada Buku Bergambar Untuk Mendidik Karakter Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 8(2). <https://doi.org/10.21831/jpk.v7i2.15799>
- Laily Fitriani. (2018). Internalisasi Nilai-nilai Karakter Islami Pada Anak Usia Dini Melalui Metode Berkisah. *Proceeding of The 3rd Annual Conference on Islamic Early Childhood Education*, 247–256.
- Mat Ali, A., Mohd Hamidin, N., Hassan, Y., Ramli, R., & Isa, N. H. (2024). Pemilihan buku cerita dalam pembelajaran awal kanak-kanak: suatu tinjauan literatur. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 91–109. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.243>
- Mohamed Isa, Z. (2009). Pemilihan Buku Bacaan Bahasa Melayu yang Sesuai Untuk Kanak-Kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara, UPSI*, 2(1), 41–52.
- Mohd Zin, S. M., & Mohamed Ramli, F. Z. (2025). 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis. *Jurnal Ulasan Buku: JAUHAR*, 9(1), 44–49.
- Muhammad Saad, N., Mohamed, Y., Mohammad, W. M., Ismail, M. I., & Md Isa, Z. (2021). Model Teknik Penceritaan Prosa Hadis Naratif Sahih al-Bukhari. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (BITARA)*, 4(4), 133–164.
- Nasir, K., Adnan, I., Ahmad, K. A., Ibrahim, M. N. A., & Abdullah, M. A. (2024). Keperluan Hafalan Kitab Hadith 40 Imam Al-Nawawi Dalam Kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu Kajian Awal. *HADIS*, 14(28), 60–70. <https://doi.org/10.53840/hadis.v14i28.270>
- Nasir, M. S., & Mat Teh, K. S. (2020). [The Concept of Islamic Children's Literature from al-Nadwi's Perspective] Tasawur Sastera Kanak-Kanak Islami Menurut Perspektif al-Nadwi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3).
- Nasir, M. S., & Mat Teh, K. S. (2021). Penelitian Semula Terhadap Konsep Sastera Kanak-Kanak Islami. *'Ulum Islamiyyah - The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(3).
- Nasir, M. S., & Mat Teh, K. S. (2023). Pendekatan Dakwah Untuk Kanak-Kanak Menerusi Qasas Al-Nabiyyin Menurut Abu Al-Hasan 'Ali Al-Nadwi. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(2), 1–21.
- Nik Muhammad Affendi, N. R., & Awang Pawi, A. A. (2017). Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan. In S. Z. Ibrahim, Mat Zain Aemy Elyani, S. Sharil, M. S. Salehudin, R. Abd Rahman, & A. N. Zainal Arifin (Eds.), *Kesepaduan Nilai-Nilai Sejahtera Merentasi Globalisasi: Jilid 3*. Selangor International Islamic University College (KUIS).
- Noor Farida, S. (2016). Hadis-Hadis Tentang Pendidikan. *Diroyah Jurnal Ilmu Hadis*, 1(1), 35–42.
- Shukrey Ahmad, M., & Kamarudin, K. (2018). Nilai Islam Dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. In *Jurnal Melayu Bil* 17(1), 11–20.
- Sinaga, D. Y., Hasibuan, S. H., & Sembiring, E. H. (2022). Implementasi Metode Cerita Islami Dalam Penanaman Moral Keagamaan. *Jurnal Mahasiswa TARBAWI: Journal on Islamic Education*, 5(2), 1–16.